

9 FEB 1996

Mahathir - Badminton

UTAMAKAN KEPENTINGAN NEGARA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Para pemain badminton kebangsaan diseru mengutamakan kepentingan bermain untuk negara daripada mengharap-kan ganjaran wang semata-mata, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini.

Beliau berkata pemain harus menumpukan perhatian penuh dan giat berusaha dalam sebarang pertandingan untuk meningkatkan pencapaian dan seterusnya mengembalikan kegemilangan negara dalam sukan itu.

"Kita tidak harus pandang kepada wang ringgit, sebaliknya patut bermain demi kepentingan negara dan sukan itu sendiri," katanya pada majlis berbuka puasa dengan skuad Piala Thomas dan Uber negara di sini.

Mahathir turut menyatakan harapannya yang amat besar agar skuad negara berjaya melayakkan diri ke pusingan akhir Piala Thomas yang akan berlangsung di Hong Kong, Mei ini.

Skuad negara akan bertolak ke Auckland, New Zealand, minggu depan bagi memulakan kempen dalam pusingan kelayakan piala itu yang akan bermula dari 18 hingga 25 haribulan ini.

Beliau juga menasihati para pemain agar tidak memikirkan soal perbezaan antara mereka (pemain) sama ada dari segi umur, kebolehan dan keserasian.

"Kita harus bermain sebagai satu pasukan yang mantap dan jika dengan penuh keyakinan dan dayausaha, kita pasti menang," katanya.

Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Datuk Abdullah Fadzil Che Wan berkata sehingga kini, banyak kelemahan dalam persatuan dan atlit telah dapat diatasi dan ini merupakan petanda baik untuk buktikan keupayaan sebenar dalam kejohanan Piala Thomas kali ini dan seterusnya menghentikan spekulasi buruk terhadap badminton negara.

Abdullah juga menafikan dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa tiada persefahaman dan semangat berpasukan di antara jurulatih dan pemain di kem latihan (akademi BAM, Cheras) bagi menghadapi pusingan kelayakan itu.

"Tiada masalah dalam soal semangat, cuma secara kebetulan sahaja pemain perseorangan negara merupakan pemain profesional yang datangnya dari Nusa Mahsuri dan Wira Tangkis manakala pemain beregu dari BAM sendiri," katanya.

Fadzil berkata beliau yakin pasukan negara mampu membawa pulang yang terbaik walaupun para pemain hanya sempat berlatih selama seminggu untuk pusingan kelayakan. -- BERNAMA

HAI CR